



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**24 OKTOBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 502 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 214,064 kes. Sebanyak empat (4) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di daerah Tenom dan masing-masing satu (1) kes di Sandakan dan Keningau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 575 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 203,265 orang. Manakala 1,880 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 741 orang di hospital, 1,114 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 22 orang di Pusat Tahanan Sementara(PTS) / Penjara manakala tiga (3) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 85 orang merangkumi 77 di ICU/repurposed kritikal care serta lapan (8) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 22 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 127 (47.04%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Jingga (satu) 1 daerah
- Zon Merah 26 daerah

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a Jumlah kes yang dicatatkan hari ini ialah (502) kes, penurunan (-90) kes berbanding angka semalam.
- b Sebanyak 17 daerah mencatatkan penyusutan jumlah kes, lapan (8) daerah merekodkan pertambahan kes sementara kes di dua (2) daerah tidak berubah sebagaimana semalam. Kes-kes di Ranau dan Keningau pula naik dua kali ganda jumlah semalam, daripada (28) kes ke (56) kes di Ranau dan (24) kes ke (49) kes di Keningau. Ranau juga satu-satunya daerah di Sabah yang mencatatkan jumlah kes melepasi angka (50) kes.
- c Analisis (502) kes yang dicatat hari ini menunjukkan (223) kes adalah kes-kes yang lewat didaftar dua hari atau lebih setelah keputusan saringan diketahui. Ini bermakna hanya (279) atau 55.6% kes berlaku dalam tempoh 24 jam yang lalu.
- d Kes-kes baharu yang diperolehi melalui Saringan Bergejala masih tinggi, (179) kes atau 35.7% daripada jumlah kes yang direkodkan.
- e Perlonggaran pelbagai sekatan serta tahap pematuhan SOP dikalangan masyarakat yang semakin menurun kemungkinan besar menyumbang kepada kes-kes bergejala atau kes-kes sporadik yang tinggi. Keghairahan untuk kembali kepada gaya hidup sebelum pandemik membawa kepada sikap sambil lewa atau lalai dalam pematuhan semua SOP semasa bersosial, di tempat kerja dan di khalayak ramai.
- f Daripada (502) kes hari ini, hampir 97% kes adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, yakni 79.3% dalam Kategori 2. Jumlah kes dalam Kategori 3, Kategori 4 dan Kategori 5 yang memerlukan rawatan di hospital dan / atau rawatan rapi adalah rendah, Kategori 3, lima (5) kes, Kategori 4, tiga (3) kes dan Kategori 5, satu (1) kes. Tujuh (7) kes lagi masih dalam siasatan lanjut JKNS.

- g Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (267) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	2	0.40%
2	Bergejala	179	35.66%
3	Kontak	267	53.19%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	54	10.75%
<b>JUMLAH</b>		<b>502</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (23 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 23/10/2021</b>	<b>Catatan Kes 24/10/2021</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Ranau	28	56	+28
2	Keningau	24	49	+25
3	Penampang	15	34	+19
4	Kota Belud	35	42	+7
5	Sandakan	13	20	+7
6	Putatan	5	11	+6
7	Kuala Penyu	2	7	+5
8	Sipitang	12	13	+1
9	Tongod	3	3	Mendatar
10	Kunak	2	2	Mendatar
11	Beaufort	58	12	-46
12	Kota Kinabalu	76	49	-27
13	Kota Marudu	53	33	-20
14	Kinabatangan	36	16	-20
15	Tambunan	33	17	-16
16	Tenom	33	21	-12
17	Tuaran	26	17	-9
18	Telupid	13	4	-9
19	Papar	26	19	-7
20	Pitas	22	15	-7
21	Lahad Datu	28	25	-3
22	Semporna	5	2	-3
23	Kalabakan	3	0	-3
24	Kudat	17	15	-2
25	Nabawan	4	2	-2
26	Beluran	9	8	-1
27	Tawau	11	10	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>592</b>	<b>502</b>	<b>-90</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (10 Oktober – 23 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Ranau	0	35	16	0	5	56	559
Kota Kinabalu	0	19	25	0	5	49	845
Keningau	0	37	9	0	3	49	520
Kota Belud	0	22	13	0	7	42	777
Penampang	0	13	16	0	5	34	371
Kota Marudu	0	9	21	0	3	33	484
Lahad Datu	0	8	12	0	5	25	391
Tenom	2	11	8	0	0	21	483
Sandakan	0	4	11	0	5	20	254
Papar	0	11	8	0	0	19	301
Tambunan	0	17	0	0	0	17	225
Tuaran	0	14	2	0	1	17	449
Kinabatangan	0	10	4	0	2	16	228
Pitas	0	11	3	0	1	15	291
Kudat	0	9	5	0	1	15	459
Sipitang	0	5	8	0	0	13	178
Beaufort	0	6	5	0	1	12	381
Putatan	0	4	2	0	5	11	262
Tawau	0	6	3	0	1	10	235
Beluran	0	6	2	0	0	8	202
Kuala Penyu	0	5	1	0	1	7	57
Telupid	0	2	1	0	1	4	126
Tongod	0	0	3	0	0	3	72
Semporna	0	0	1	0	1	2	70
Nabawan	0	1	0	0	1	2	92
Kunak	0	2	0	0	0	2	67
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	31
<b>JUMLAH</b>	<b>2</b>	<b>267</b>	<b>179</b>	<b>0</b>	<b>54</b>	<b>502</b>	<b>8,410</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tenom	Kluster Alab Senagang	2
<b>Jumlah</b>		<b>2</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,298 unit

- Hospital 1,920 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,908 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 29.85%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 24 OKTOBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	493
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	4
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	4
<b>Jumlah</b>	<b>502</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Pulau Pinang	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Arab Saudi	1
Namibia	1
Pakistan	2
<b>Jumlah</b>	<b>4</b>

ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	474
Bukan Malaysia	28
<b>Jumlah</b>	<b>502</b>

iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	114
Belum Menerima Vaksin	82
Menerima 1 Dos	9
Lengkap 2 Dos	297
<b>Jumlah</b>	<b>502</b>

iv. Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	4
1 to 5	54
6 to 11	56
12 to 17	26
18 to 25	58
26 to 59	257
>60	47
<b>Jumlah</b>	<b>502</b>

**C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH**

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 24 Oktober 2021)</b>
	Tiada PKPD	



## **D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 23 Oktober 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 23,042 orang. Daripada jumlah ini, seramai 14,644 orang adalah penduduk dewasa, 6,046 orang adalah penduduk remaja dan 2,712 orang adalah mereka yang menerima Booster Dose atau Triple Dose.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 23 Oktober 2021 adalah seramai 2,375,248 orang. Ini meliputi 2,050,851 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 74.35% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,240,236 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,990,728 orang atau 72.17% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 324,397 orang atau 74.75% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 249,508 atau 57.49% orang setakat ini.

## **E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **658,985** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 12 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 5,967 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 62 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak lima (5) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Satu (1) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Pergerakan
  - Empat (4) Orang : Gagal Mendaftar Masuk Premis

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 177 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 28 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 996 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini.
  - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 350 premis perniagaan dan 792 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 231 Premis Perniagaan melibatkan 155 anggota APM. Satu (1) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 135 anggota di 165 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 10 premis, melibatkan enam (6) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 120 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 89 hebahan di seluruh Sabah.

**G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 3**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 pada hari ini ialah **97.5%** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kunak	98%
2	Sipitang	97.5%
3	Keningau	97.5%
4	Beluran	97.5%
5	Kudat	97.5%
6	Kota Marudu	97.5%
7	Kota Belud	97.5%
8	Penampang	97.5%
9	Ranau	97.5%
10	Lahad Datu	97%
11	Tawau	97%
12	Sandakan	97%
13	Tenom	97%
14	Semporna	97%
15	Papar	97%
16	Beaufort	97%
17	Kota Kinabalu	97%
18	Kinabatangan	97%
19	Tuaran	97%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**